

<b>Headline</b>	Jemerlang pokok berguna		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian		
<b>Date</b>	25 Sep 2012	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Nasional	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	38	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	<b>217 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,194</b>
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,581</b>



## Jemerlang pokok berguna

Sumber Alam

**JEMERLANG** atau *Peltophorum pterocarpum* merupakan sejenis pokok yang mempunyai taburan meluas di seluruh dunia dan berpusat di kawasan tropika Asia Tenggara, dari Sri Lanka di barat, Indocina di utara, keseluruhan kawasan Malesia sehingga ke utara Australia di selatan.

Ia turut dikenali dengan beberapa nama tempatan lain seperti *copperpod*, *golden flamboyant*, *yellow flamboyant*, *yellow flame tree*, *yellow poinciana* (bahasa Inggeris), *kupang* (bahasa tempatan Borneo), *soga* (bahasa Indonesia) dan *perunkonrai* (bahasa Tamil).

Pokok ini hidup di pantai berpasir atau berbatu dan kadangkala terdapat di kawasan bukit batu kapur datar. Pada

masa ini, ia ditanam secara meluas di tepi jalani dan taman sebagai pokok hiasan, terutama di kawasan tropika.

Pokok jemerlang bersaiz sederhana mampu mencapai ketinggian daripada 15 hingga 25 meter atau lebih dengan diameter batang sehingga satu meter.

Silang pokoknya berbentuk kubah dengan daun tersusun pada lapisan permukaan, kelihatan seperti payung daun gergasi dan amat sesuai sebagai pokok teduhan.

Daun majmuknya bipinat agak besar dan boleh mencapai saiz 30 hingga 60 sentimeter (cm) panjang. Walau bagaimanapun, sehelai anak daun hanya bersaiz kira-kira 8 hingga 25 milimeter (mm) panjang dan 4-10 mm lebar.

Setiap kuntum bunga bersaiz kira-kira

2.5 hingga 4 cm tetapi jambak bunganya agak besar dan boleh mencapai saiz 20 cm panjang, biasanya tumbuh di bahagian atas silara berwarna hijau gelap.

Buahnya berbentuk pod sepanjang 5 hingga 10 cm dan selebar 2.5 cm, berwarna keungu-unguan pada peringkat awal dan bertukar menjadi kehitaman apabila masak.

Jemerlang menghasilkan kayu untuk pelbagai kegunaan seperti pembuatan kabinet. Daunnya digunakan sebagai makanan ternakan manakala kulitnya pula menghasilkan pewarna kuning coklat. Di Jawa, ia digunakan sebagai ubat tradisional dan dikenali dengan nama kayu timur.

● SUMBER PORTAL FRIM